

SUNIZINE SYRUP®

Cetirizine hydrochloride (5mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Sunizine Syrup
2. Bagaimana Sunizine Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Sunizine Syrup
4. Cara menggunakan Sunizine Syrup
5. Semasa menggunakan Sunizine Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sunizine Syrup
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Sunizine Syrup

Sunizine Syrup digunakan untuk rawatan gejala rinitis (radang membran mukus dalam hidung) bermusim, rinitis perenial (sepanjang tahun) dan urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul pada kulit) yang berasal daripada alergi di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak 3 tahun dan ke atas.

Bagaimana Sunizine Syrup berfungsi

Bahan aktif ubat ini adalah cetirizine. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antihistamina. Ia berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa tindak balas alergi.

Sebelum menggunakan Sunizine Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Sunizine Syrup jika anda:

- hipersensitif terhadap cetirizine atau mana-mana bahan-bahan kandungan lain dalam produk ini.

Mengandung dan penyusuan bayi

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi. Cetirizine tidak boleh digunakan dalam tempoh 3 bulan pertama kehamilan. Cetirizine tidak harus digunakan semasa menyusukan anak kerana ia meresap ke dalam dalam susu ibu.

- Sebelum mula mengguna

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang masalah buah pinggang sebelum mengambil Sunizine Syrup.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Tiada interaksi yang dikenali dengan ubat lain. Walau bagaimanapun, cetirizine harus digunakan dengan berhati-hati jika anda sedang mengambil ubat sedatif.

Cara menggunakan Sunizine Syrup

- Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Sunizine Syrup tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda menetapkan.

- Dewasa: 10ml (10mg) syrup sehari sekali
- Kanak-kanak 6- 12 tahun: 10ml (10mg) syrup sehari sekali
- Kanak-kanak 3-6 tahun: 5ml (5mg) sirap sehari sekali

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat dengan sedikit cecair semasa makan malam kerana simptom-simptom berkenaan biasanya berlaku pada waktu malam. Jika anda terjejas oleh kesan-kesan sampingan, dos boleh diambil sebagai 5mg (5ml) pada waktu pagi dan 5mg (5ml) pada waktu petang..

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan bila perlu atau mengikut nasihat doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Symptom pengambilan dos berlebihan termasuk mengantuk.

Semasa menggunakan Sunizine Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Sunizine Syrup.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Sunizine Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh menjaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Jika ubat ini membuat anda berasa mengantuk, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Elakkan pengambilan alkohol.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan, Sunizine Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil Sunizine Syrup termasuk sakit kepala, pening, mengantuk, agitasi, mulut kering dan ketidaksesuaian gastrousus.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Sunizine Syrup

- Penyimpanan

Simpan pada atau dibawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang

tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap jernih, tidak berwarna dengan perisa pisang.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Cetirizine HCl
- Bahan tidak aktif
 - Citric Acid anhydrous,
 - Saccharin Sodium,
 - Sodium Benzoate,
 - Glycerine,
 - Banana Flavoring
 - Syrup Simplex

- Nombor MAL

MAL20040221AZ

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

22/09/2015

Nombor siri

BPK(R4/1)220915/00321